

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, March 27, 2019 2:47 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pertemuan CUIC-MPPUUM Selami Isu Dihadapi Pelajar



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

27 MAC 2019 / 20 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar: CUIC

PERTEMUAN CUIC-MPPUUM SELAMI ISU DIHADAPI PELAJAR



UUM ONLINE: Bagi menyelami isu-isu dihadapi pelajar khususnya berkaitan praktikum, Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) UUM telah mengadakan pertemuan khas dengan barisan Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UUM (MPPUUM) baru-baru ini.

Pertemuan bertujuan mendengar permasalahan dihadapi pelajar terutamanya dalam isu praktikum disebabkan peperiksaan gantian khas yang dilaksanakan awal Februari lalu, di samping berkongsi aktiviti-aktiviti berkaitan industri dan masyarakat yang dilaksanakan oleh CUIC.

Pertemuan dimulakan dengan sesi 'Taklimat Profail CUIC 2.0' bagi memberi penjelasan mendalam berkaitan peranan CUIC secara keseluruhan yang disampaikan oleh Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek kepada semua barisan tertinggi MPP.

Yang Dipertua MPP, Muhammad Izzat Siraj Mohd Iyas Zainal berkata, pertemuan itu sangat positif dan cukup membina kerana banyak input dikongsikan, malah mengubah tanggapan bahawa selama ini CUIC hanya melaksanakan penempatan praktikum sahaja, hakikatnya lebih daripada itu, malah CUIC turut bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan bakat, kerjasama inovatif industri dan juga jaringan masyarakat.

Menurutnya, menerusi 'Taklimat CUIC 2.0' itu, mereka mendapat input tentang aktiviti atau program yang dirancang khusus untuk para pelajar pada tahun ini seperti MySIP (*Structured Internship Programme*), *Bite-Size*, Program Bersama SUHAKAM, *Loca-Talent*, *Awesome 30* dan *Talentcorp*.

Katanya, di peringkat MPPUUM, hasrat utama pertemuan yang diadakan bertujuan untuk lebih mengenali dengan lebih rapat pihak pengurusan CUIC supaya segala kemusykilan yang dihadapi oleh pelajar dapat diselesaikan dengan segera.

"Rata-rata pelajar tidak mengetahui adanya jabatan atau pusat yang menguruskan jaringan industri dan juga program-program yang dilaksanakan dengan pihak komuniti.

"Selain itu, MPPUUM amat memuji usaha pihak CUIC menyediakan ruang untuk pertemuan ini, di samping mengeratkan hubungan silaturrahim antara para pelajar dan CUIC," ujarnya

Sementara itu, Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata, cadangan pihak MPPUUM untuk bersama-sama terlibat dengan aktiviti dan program CUIC terutamanya yang melibatkan jaringan industri dan komuniti amat dialu-alukan.

"Melalui keterlibatan ini secara tidak langsung para pelajar boleh bersama-sama memantapkan '*soft skill*' mereka sebelum menceburi bidang kerjaya sebenar setelah tamat pengajian kelak.

"CUIC akan menggelar rakan CUIC ini sebagai '*CUIC Crew*' dan terbuka kepada semua pelajar yang berminat menyertai program-program di bawah CUIC," tambah beliau.

Pertemuan diakhiri dengan sesi soal jawab antara barisan MPPUUM dengan pihak pengurusan CUIC. Turut hadir Pengerusi Bahagian Pengurusan Bakat, Shahrina Osman dan pegawai-pegawai CUIC.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.